

# PM tegur pusat pengajian tinggi tak beri penekanan kualiti moral

UM 14 MAR 1990

KUALA LUMPUR 13 Mac — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegur institusi - institusi pengajian tinggi yang selama ini hanya menumpukan perhatian kepada pencapaian akademik sahaja tanpa memberi penekanan kepada kualiti moral.

Bellau menyifatkan tiadanya kesedaran etika sebagai sebahagian daripada punca mengapa berlakunya penyelewengan di kalangan pengurus - pengurus dan tenaga mahir.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, oleh itu telah tiba masanya pihak universiti serta institusi pengajian tinggi mencari jalan untuk mengatasi gejala tidak sihat ini.

Universiti, katanya perlu memberi penekanan yang lebih kepada soal - soal etika kerja dan cara - cara ujian untuk menentukan kualiti moral siswazah yang dihasilkan.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, tugas ini menjadi semakin penting kerana kini terbukti pakar - pakar yang dilahirkan oleh universiti tidak menjadi pengurus yang amanah tanpa nilai - nilai etika yang sempurna.

"Mereka akan terdorong untuk menyalahgunakan kepakaran mereka akibat tamak, mementingkan diri sendiri, angkuh dan yang lebih dahsyat ialah gilakan kuasa," kata Perdana Menteri ketika berucap merasmikan Seminar Etika Pengurusan anjuran bersama Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Petronas di Institut Latihan Pengurusan Petronas di Bangi pagi ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa sebenarnya orang - orang yang pakar mempunyai peluang yang lebih luas untuk melakukan penyelewengan.

Bellau berkata, kerana kepakaran yang mereka perolehi, mereka sentiasa melihat selok - belok dan kelemahan yang ada dalam sesuatu bidang.

Oleh itu katanya, kerajaan berpendapat bakal - bakal pengurus perlu mempunyai tahap pengetahuan dan kese-

etika yang baik walaupun tidak cekap," ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah, dalam usaha menyemai nilai - nilai etika yang baik, pelajar - pelajar pengajian tinggi perlu disedarkan bahawa badan - badan korporat di mana mereka akan bekerja nanti juga mempunyai perkiraan sosial iaitu perkiraan terhadap cara kuasa digunakan.

Ini kerana katanya, kuasa itu mempunyai implikasi kepada pemegang - pemegang saham, pelanggan dan perlu digunakan dengan sebaik - baiknya dan bukanlah sewenang - wengangnya.

Dalam pada itu beliau juga berkata seminar yang terlalu akademik tidaklah semestinya praktikal dan mampu menyumbang kepada sesuatu rhatlamat, oleh itu seminar ini harus menumpukan kepada pengalaman sebenar etika yang dipilih.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir, seminar ini juga haruslah mencari jalan bagaimanakah untuk mengurangkan kos pentadbiran melalui nilai - nilai etika kerana dalam keadaan etika tidak bernilai penyeliaan akan menjadi berganda dan memerlukan kos yang tinggi.

Jika keadaan ini berlaku akan wujudlah penyelia menyelia penyelia kerana pihak pengurusan kkuatir, "pagar akan makan padi."

Lebih buruk lagi kata Dato' Sri Dr. Mahathir, ialah apabila prosedur - prosedur birokrasi membuka peluang untuk rasuah bagi yang lemah etika.

edaran etika yang tinggi dan tebal sebagai benteng.

Katanya, tugas ini perlu dipikul oleh institusi - institusi pengajian tinggi yang menjadi pengeluar utama bakal - bakal pengurus, pemimpin politik dan korporat yang bukan sahaja amanah tetapi juga beretika.

"Namun kita juga harus akui bahawa pengurus yang tidak cekap tidak akan berjaya walaupun ia mengamalkan etika yang baik.

"Sebaliknya pengurus yang cekap tetapi tidak mengamalkan etika yang baik tidak akan mendatangkan hasil kerja yang baik.

"Bagaimanapun, jika kita terpaksa memilih antara yang tidak cekap tetapi mempunyai etika yang baik dengan yang cekap tetapi tidak mempunyai etika yang baik adalah lebih baik dipilih yang mempunyai